

Meninjau Potensi Penyelidikan Pertanian Di Perkampungan Gana

Pada 29 OGOS 2008, Sekolah Pertanian Lestari (SPL) UMS telah melawat Kg. Gana, salah satu daripada 10 buah kawasan perkampungan terpencil yang telah dibangunkan melalui projek GRID (Penempatan Semula dan Pembangunan Bersepadu Gana) yang terletak di Daerah Kota Marudu. Pihak Jabatan Pertanian Daerah Kota Marudu telah bersama kami melawat Kg. Gana untuk meneroka potensi penyelidikan pertanian di kawasan tersebut. Kami juga telah dimaklumkan tentang masalah seperti kekurangan air yang serius dan tanah tanih yang tidak subur yang dihadapi oleh penduduk Kg. Gana yang sangat menyukarkan sebarang aktiviti pertanian di kawasan tersebut.

Penduduk mencadangkan agar pihak SPL mengkaji masalah tanah-tanah di perkampungan tersebut bagi membantu mereka untuk berjaya dalam pertanian.

